

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 26 April 2022	
1.	Mengaku salah 'noda' kucing sampai mati
2	Warga emas di Selangor positif rabies
3	Warga emas didakwa rogol kucing
4	Mengaku noda kucing sampai mati
5	Kartel ayam dilindungi
6	Boikot rumah sembelihan gagal ikut protokol
7	-'Kamaruddin' punca pengikut naik 300,000-Azroy Bertarung lima tahun jual kambing sebelum 'glamor'
8	Issues in controlling rabies

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Mengaku salah 'noda' kucing sampai mati

Johor Bahru: Seorang warga emas mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan seks luar tabii dengan seekor kucing sehingga mati, minggu lalu.

Janting Keling, 63, membuat pengakuan itu pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Janting didakwa melakukan perbuatan berkenaan di sebuah taman permainan di Taman Ungku Tun Aminah, Skudai kira-kira jam 4.30 pagi, 16 April lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 377 Kanun Keseksian yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda atau sebat.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya S Thiviya manakala tertuduh pula tidak diwakili peguam.

Thivijaya berkata, tiada jaminan ditawarkan ke atas tertuduh atas kes berkenaan.

"Bagaimanapun, jika mahkamah mahu menawarkan sebarang jaminan, pihak pendakwaan memohon jaminan sebanyak RM15,000 dikenakan ke atas tertuduh dengan seorang penjamin selain tertuduh perlu melapor diri ke balai polis berhampiran," katanya di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh kemudian membuat rayuan supaya jumlah jaminan dikurangkan berikutan beliau tidak bekerja.

"Saya baru datang ke Johor Bahru dari Sarawak dan tiada pekerjaan. Saya juga menumpang di rumah anak perempuan," katanya.

Mahkamah kemudian menyuruhnya memerintahkan tertuduh dijamin sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 Mei nanti bagi penyerahan dokumen.



MANGSA mempunyai sejarah digigit anjing liar di kawasan kediamannya di Pulau Carey dua bulan lalu.

Warga emas di Selangor positif rabies

Shah Alam: Wabak anjing gila kian menular di Selangor berikutan satu lagi kes jangkitan rabies dikesan membabitkan seorang lelaki warga emas berusia 85 tahun di daerah Kuala Langat. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, kes itu disahkan pada 22 April lalu dan ia menjadikan dua kes jangkitan rabies di negeri ini sejak ini.

Beliau berkata, terdahulu warga emas itu dirujuk ke Klinik Kesihatan Telok Panglima kerana masalah



Pemeriksaan mendapati mangsa mempunyai luka di kaki kanannya yang tidak sembuh sejak dua bulan yang lalu

Dr Sha'ari

anemia (pucat) sebelum dimasukkan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang pada 20 April lalu.

Katanya, ahli keluarga

mangsa mendapati tingkah laku warga emas itu berubah kerana beliau adalah seorang yang aktif dan mampu menguruskan diri sendiri.

"Pemeriksaan mendapati mangsa mempunyai luka di kaki kanannya yang tidak sembuh sejak dua bulan yang lalu.

"Sejak dua minggu lalu juga, beliau turut mengadu sakit kepala dan hilang selera makan.

"Beliau turut mempunyai sejarah digigit anjing liar di kawasan kediamannya di Pulau Carey dua bulan lalu,"

katanya menerusi Facebook rasmi JKNS.

Dr Sha'ari berkata sampel cecair tulang belakang (CSF) dan biopsi nuchal mangsa sudah diambil pada 22 April dan disahkan positif rabies oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Jelasnya, warga emas itu kini berada dalam keadaan stabil dan masih dirawat di wad isolasi HTAR.

JKNS pada 10 April lalu memaklumkan terdapat satu kes kematian membabitkan seorang lelaki warga tempatan yang disahkan rabies pada 4 April.

Warga emas didakwa rogol kucing

JOHOR BAHRU -

Seorang lelaki warga emas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin, atas tuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dengan seekor kucing pada 16 April lalu.

Janting Anak Keling, 63, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Mengikut kertas pendakwaan, tertuduh melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan seekor kucing sehingga menyebabkan haiwan itu mati di sebuah kawasan permainan di Taman Ungku Tun Aminah, Skudai di sini pada jam 4.30 pagi, 16 April lalu.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman pen-



Janting (tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Isnin bagi menghadapi pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dengan seekor kucing.

jara sehingga 20 tahun dan dikenakan denda atau sebat, jika sabit kesalahan.


Timbalan Pendakwa Raya, S Thiviya yang mengendalikan kes terbabit menjelaskan tiada sebarang jaminan ditawarkan namun mencadangkan jaminan RM15,000 mengikut budi bicara mahkamah bagi membolehkan tertuduh dijamin.

Janting yang tidak diwakili peguam seterusnya

memohon agar jaminan dikurangkan memandangkan dia tidak bekerja.

Selain itu, tertuduh yang mendakwa berasal dari Sarawak turut memberitahu dia tinggal bersama anaknya dan baru datang ke negeri ini.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 25 Mei depan bagi serahan dokumen.



ANGGOTA polis membawa tertuduh untuk didakwa atas pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dengan seekor kucing di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

Warga emas berdepan hukuman jel 20 tahun

Mengaku noda kucing sampai mati

Oleh KHAIRUL MOHD ALI

JOHOR BAHRU – Seorang lelaki warga emas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dengan seekor kucing di Taman Ungku Tun Aminah, Skudai di sini dua minggu lalu.

Tertuduh, Janting Anak Keling, 63, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Tertuduh yang tidak bekerja didakwa melakukan perbuatan jelik itu dengan seekor kucing sehingga menyebabkan haiwan

tersebut mati.

Kesalahan dilakukan di sebuah taman permainan kawasan perumahan di Taman Ungku Tun Aminah pada pukul 4.30 pagi, 16 April lalu.

Bagi kesalahan itu, Janting didakwa mengikut Seksyen 377 Kanun Keseksaan yang mempe-
runtukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM6,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 25 Mei ini untuk serahan dokumen sebelum menjatuhkan hukuman terhadap

warga emas tersebut.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, S. Thiviya, manakala tertuduh pula tidak diwakili peguam.

Terdahulu, tertuduh merayu supaya jaminan ke atasnya diringkankan kerana tidak bekerja dan berada di negeri ini untuk melawat anaknya yang tinggal di kawasan tersebut.

Akhbar sebelum ini melaporkan seorang warga emas diberkas selepas polis menerima laporan daripada penduduk yang menyaksikan perbuatan terkutuk warga emas itu kawasan perumahan berkenaan.

Campur tangan ahli politik punca pengusaha ayam bermaharajalela

Kartel ayam dilindungi

Oleh FAHMI FAIZ dan
MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Campur tangan politik sejak sekian lama dalam isu membabitkan dominasi kartel terhadap industri penternak

kan ayam di seluruh negara menyebabkan pihak terbabit terus bermaharajalela.

Malah *Utusan Malaysia* difahamkan, kegagalan menubuhkan lembaga khas bagi mengawal industri ternakan ayam juga dikaitkan dengan campur

tangan ahli politik.

Tanpa mendedahkan nama, sumber memberitahu, sepatutnya selepas pendedahan demi pendedahan terhadap isu kartel ayam, Malaysia sepatutnya sudah menubuhkan lembaga khas bagi mengawal industri dan

menstabilkan harga di pasaran.

"Sudah berpuluh tahun, kerajaan masih gagal tubuhkan sebarang lembaga untuk kawal industri ayam, sebab banyak juga isu politik dalam perkara berkaitan," katanya di sini, semalam. Semalam *Utusan Malaysia*

mendedahkan bahawa kartel turut menguasai pasaran harian berjumlah 1.5 juta ekor ayam, iaitu 70 peratus daripada keseluruhan 2.2 juta ekor ternakan itu yang dijual di seluruh negara setiap hari.

Bersambung di muka 2

Kartel ayam dilindungi

Dari muka 1

Sementara itu, pemilik ladang kontrak atau integrator menafikan mengaut keuntungan berlebihan daripada penternak ayam di bawahnya. Sebaliknya mereka juga berhadapan dengan kerugian disebabkan kos makanan iaitu dedak dan anak ayam.

Pemilik salah sebuah ladang terbesar di negeri ini yang enggan namanya disiarkan berkata, penternak tidak memikirkan soal kenaikan harga dedak atau anak ayam tetapi integrator yang bertanggungjawab dalam hal itu.

Sejak 7 April lalu, akhbar ini melaporkan kewujudan lima kartel yang berselindung di sebalik sebuah persatuan penternak yang mengawal hampir keseluruhan rantaian industri ayam negara sejak puluhan tahun lalu yang bernilai RM10 bilion setahun.

Malah, semalam akhbar ini mendedahkan bahawa kartel turut menguasai pasaran harian berjumlah 1.5 juta ekor ayam, iaitu 70 peratus daripada keseluruhan 2.2 juta ekor haiwan itu yang dijual di seluruh negara pada setiap hari.

Utusan Malaysia juga difahamkan kartel bukan sahaja mengawal harga dan bekalan anak ayam kepada penternak, malah turut menguasai pasaran ayam ke seluruh negara setiap hari.

"Harga anak ayam pembakaan tak dikawal kerajaan, kerana yang mengawal ialah sebuah persatuan penternakan. Kenapa jabatan tak boleh kawal harga? Sebab dari



Terdapat empat kartel yang menentukan segala sektor bekalan dan pasaran ayam ke seluruh negara..."

SUMBER

segi akta, kerajaan tiada kuasa.

"Maknanya, secara automatik (kawalan) tertakluk di bawah persatuan. Malah harga ayam di ladang itu pun tak dikawal sebenarnya," kata sumber.

Mengulas lanjut, sumber berkata, terdapat empat kartel yang menentukan segala sektor bekalan dan pasaran ayam ke seluruh negara serta mendesak lebih banyak pendedahan dibuat demi melindungi kepentingan rakyat.

"Untuk menentukan harga anak serta bekalan anak ayam kepada penternak, malah harga serta bekalan ayam matang ke pasaran, empat kartel itulah yang kawal," katanya.

Mengulas isu sama, pemilik ladang berkata, selain sebagai pengilang dan pemborong, pihaknya juga mempunyai 65 ladang kontrak di sekitar Johor Bahru dengan kos permulaan bagi setiap ladang dianggarkan RM1 juta.

"Kos itu berdasarkan kepada harga anak ayam seekor RM2.50 dan dedak yang kini berharga RM270 setiap beg

dengan anggaran 70 beg diperlukan untuk ternakan melibatkan 7,000 ekor ayam.

"Untuk pembelian anak ayam sebanyak 100,000 ekor, integrator seperti saya akan membelanjakan sebanyak RM250,000 dan makanan (dedak) pula sebanyak RM889,000," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau menambah, dakwaan pemilik ladang kontrak sebagai kartel adalah cukup berat seolah-olah mereka tidak langsung memikirkan soal penggunaan atau rakyat yang memerlukan makanan segar tersebut setiap hari.

"Mereka (penternak) tidak memikirkan soal kerugian kami apabila anak ayam mati dengan anggaran 10 peratus daripada 100,000 ekor yang bersamaan RM25,000. Begitu juga apabila ayam mati pada usia 20 hari. Malah, sebelum ini anak ayam diperoleh pada harga RM1.20 atau RM1 seekor dan pernah 90 sen, jauh beza dengan harga kini," jelasnya.

Malah katanya, bagi membantu penternak memulakan usaha mereka, pihaknya turut mengeluarkan jutaan ringgit sebagai kos permulaan, namun mereka terus diberi tekanan oleh kerajaan apabila harga siling ayam ditetapkan RM8.90 sekilogram lebih rendah daripada harga di Thailand dan Indonesia sekitar RM11 hingga RM12 sekilogram.

"Jika ingin membantu rakyat, kerajaan perlu memperkenalkan baucar khas bagi mereka yang dikategorikan sebagai golongan B40 dan miskin," katanya.

Boikot rumah sembelihan gagal ikut protokol

Oleh **BATRISYIA KHAIDAR**
dan **AZMI NORDIN**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Beberapa pihak tampil mencadangkan supaya umat Islam memboikot daging dari rumah sembelihan di Australia yang gagal mematuhi protokol penyembelihan bagi mengelakkan masyarakat Islam mengambil makanan haram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN), Mohd Azmi Abdul Hamid berkata, sekatan terus ke atas syarikat 'bermasalah' tidak akan merugikan negara.

Bersambung di muka 4

Boikot rumah sembelihan gagal ikut protokol

Dari muka 1

"Kalau sudah jelas ada keraguan dan ada bukti berlaku kesalahan, kerajaan patut bertindak serta merta untuk tidak mengimport makanan daripada syarikat tersebut.

"Kita perlu ada banyak pilihan dan tidak perlu terikat dengan satu rumah penyembelihan di luar negara. Dengan ada banyak alternatif rumah penyembelihan, tindakan tegas boleh diambil di samping meneruskan urusan dengan rumah lain," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, *Mingguan Malaysia* melaporkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dituntut tidak melengahkan siasatan melibatkan dakwaan sembelihan haiwan di Australia yang melanggar protokol.

Menurut laporan yang disokong saksi, kambing biri-biri dilemaskan dalam darah terkumpul daripada haiwan yang disembelih sebelumnya dan bukannya kerana haiwan itu disembelih

sebagaimana syarat dalam keperluan penyembelihan halal.

Mohd. Azmi turut mengharapkan Jakim mengetatkan lagi kawalan mengeluarkan logo halal kerana ia dilihat tidak terkawal sehingga berlaku isu-isu seperti ini.

"Isu ini bukan isu baharu, daging yang masuk ke Malaysia kerap menimbulkan persoalan status halal. Justeru, membenarkan pemantauan secara berkala perlu dibuat untuk mendapat kepercayaan kita.

"Sebagai negara Islam, kita terpaksa mengeluarkan logo halal ini bagi setiap barang dan ia tidak terkawal, kalau ambil kaedah mengimport barang halal sahaja pasti tiada masalah," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, langkah memboikot rumah-rumah penyembelihan yang tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) boleh dilakukan jika ia adalah langkah terbaik bagi mengatasi isu berkenaan.

"Bagaimanapun, ia hendaklah dilakukan dengan mengambil kira semua aspek kerana takut rakyat pula memboikot kita disebabkan bekalan makanan terutama daging kekurangan," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan melalui agensi-agensi berkaitan perlu tegas dalam menguruskan pentadbiran seperti melaksanakan undang-undang yang ditetapkan.

"Negara kita tiada fear factor yang mampu menakutkan orang untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan betul.

"Contohnya, apabila kita tidak membuat catatan atau berlengah dalam menentukan rumah-rumah penyembelihan yang patut dilakukan pemantauan, mereka beranggapan bahawa kita hanya mengambil mudah," jelasnya.

Mengulas lanjut isu tersebut, beliau mendedahkan pihaknya masih menunggu dokumen mengenai lebih banyak isu daging yang diimport dari negara-negara luar yang dipercayai tidak mendapat perakuan sijil halal.

Gaya PERTANIAN

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 26 APRIL 2022

21



SELEPAS 'Kamaruddin' tular, ladang Mohamad Azroy kian dikenali sekaligus permintaan kambingnya meningkat secara drastik. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

'Kamaruddin' punca pengikut naik 300,000 - Azroy

Oleh ARIF AIMA ASROL
gayautusan@mediamula.com.my

"IMPAK daripada kambing yang saya beri nama tular di laman media sosial, perniagaan saya menghadapi perubahan 'luar biasa'. Permintaan meningkat dengan drastik hingga kandang saya berkembang pesat".

Demikian jelas seorang penternak di ladang ternak Temasik Agro di Gombak Batu 9, Selangor.

Azroy Abdul Manaf, 38, tidak menyangka yang dahulunya hobi membela kambing untuk mengisi masa lapang, kini menjadi titik permulaan kejayaannya sebagai penternak di era teknologi ini.

"Saya dahulu bekerja sebagai pegawai pemasaran di dalam syarikat permotoran selama 12 tahun, dalam waktu sama saya mempunyai hobi membela kambing sekadar untuk mengisi masa lapang



...kejayaannya dikecapi selepas lima tahun mengharungi cabaran sebagai penternak dan akuinya platform sosial sedia ada membantu untuk melakukan promosi dan penjualan."

dan melepaskan tekanan selepas penat bekerja.

"Tetapi saban hari haiwan ternakan saya semakin bertambah, jadi saya putuskan daripada sekadar hobi berubah menjadi kerjaya sepenuh masa sejak 2017 dan meninggalkan industri

sebelum ini untuk beri fokus sepenuhnya pada kerjaya sekarang," katanya kepada Utusan Malaysia.

Menurutnya, selepas video kambingnya bernama 'Kamaruddin' tular, laman sosial TikTok nya menerima pertambahan lebih 300,000 pengikut.

"Ladang saya semakin dikenali dan terkenal, sekaligus permintaan kambing meningkat dengan drastik," katanya.

Beliau menyifatkan kambing yang mempunyai nama sebagai pembawa tuah.

"Dulu permintaan hanya ada untuk program akikah dan katering tetapi semenjak tular, permintaan untuk kambing adalah pelbagai. Tidak hanya akikah dan katering tetapi turut ditempah untuk buat makan-makan. Ada juga penternak lain beli sebagai bekalan, malah ada ingin menjadikan haiwan belaan," jelasnya.

Bersambung di muka 22

PABLO
antara
kambing
kegemaran
pengikutnya.



Bertarung lima tahun jual kambing sebelum 'glamor'




AZROY bukan 'glamor' dalam masa sehari, sebaliknya selepas lima tahun mengharungi cabaran sebagai penternak kambing.

Dari muka 21

KEUNIKAN 'Kamaruddin' kerana ia tidak makan makanan kambing sebaliknya suka makan makanan manusia. Selain 'Kamaruddin' sebanyak 30 kambing 'bernama' lain tidak akan dijual kerana ingin menghargai pengikut media sosialnya sebaliknya hanya akan menjual kambing tidak bernama sahaja.

"Pernah ada pelanggan mahu membeli 'Rocky' dan 'Pablo'. Tetapi disebabkan pengikut terlampau sayang kepada kambing itu, mereka menghalang saya menjual. Sebaliknya mereka juga berkongsi duit menggantikan duit pelanggan saya iaitu sebanyak RM3,500 untuk mengekalkan haiwan tersebut," jelasnya.

Sokongan pengikutnya menerusi platform media sosial banyak membantu dari segi penjualan dan perkembangan perniagaan. Malah beliau turut bercadang mengeluarkan cenderamata buat penggemar kambingnya. Baju T-shirt 'kambing yang aneh' dan cawan antara



GARAM bertujuan mengelakkan kambing kencing perut yang boleh menyebabkan kematian. Ia turut berperanan menangani cacing dalam perut kambing. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

produk yang dirancang untuk dikeluarkan.

Azroy bukan 'glamor' dalam masa sehari, sebaliknya selepas lima tahun mengharungi cabaran sebagai penternak.

Katanya, kepada mereka yang ingin ceburi bidang ternakan, jangan melihat kepada kemudahan atau

kesenangan yang dia paparkan di laman sosial tersebut semata-mata. Sebaliknya lihat kepayahan dan usaha memajukan ternakan terlebih dahulu.

"Saya galakkan penternak menggunakan media sosial seperti saya kerana ia sejajar dengan peredaran masa," katanya.

TARIKH

26.4.2022

MEDIA

THE STAR

RUANGAN

YOUR OPINION

MUKA SURAT

12

Issues in controlling rabies

I REFER to the report "Selangor detects a second rabies case, says state Health director" (*The Star*, April 24; online at <https://bit.ly/3EK-Gdh5>).

It is sad to read that a man has succumbed to rabies and another is still being treated for the disease at the Tengku Ampuan Rahimah Hospital (HTAR) Klang.

Strays, both dogs and cats, roaming around freely in residential areas are potentially ticking time bombs for rabies to explode, especially since the health/disease status of these animals is unknown.

We therefore need to control the number of strays in our neighbourhood to prevent the spread of zoonotic diseases.

Many of us tend to think that rabid dogs are typically aggressive in nature, and that drooling and other clinical manifestations like paralysis are the typical symptoms of rabies in these animals.

This is far from the reality because there are some infected dogs that are docile and quiet in temperament. As with other ani-

mal and human diseases, the symptoms do not necessarily follow the typical textbook manifestations.

I have personally encountered such cases during my rabies disease investigation and control work over the years. I sent some of these asymptomatic cases to the laboratory for confirmation, and the results came back positive.

It must also be noted that incubation period of rabies for both humans and dogs can sometimes be longer than the established norms. Epidemiological studies have proven this fact in many countries.

These facts need to be brought up because even posters and pamphlets published by the relevant authorities for rabies control programmes feature photos of snarling dogs!

I believe the rabies outbreak in Sarawak that began in 2017 has still not been totally controlled. As at May 11, 2021, there were 35 confirmed rabies cases and 33 deaths in the state.

Dogs infected with rabies are still out there, and the situation is like a ticking time bomb that will explode given the right conditions.

Overall, however, all the rabies outbreaks in Malaysia over the years – 2015 outbreak in Penang, Kedah and Perlis, 1992 outbreak in Perlis, 1998 outbreak in Kedah, and isolated cases in Kuala Sepetang, Perak in 2017 and Terengganu in 1998 – were all successfully overcome with the relevant authorities quickly mobilising extra manpower and working around the clock daily.

A proper post-mortem must be carried out on the current Sarawak rabies control programme to iron out any shortcomings in the efforts to control the rabies outbreak as fast and as effectively as possible to prevent further infection among the general public. Time is really of essence in disease control.

For other areas, it would be good to reinforce the ongoing scheduled surveillance programme coupled with a sampling plan as an early warning system to monitor and

detect any potential risk of rabies.

Cats, like many other animals, are also prone to cross-infection with diseases from stray dogs. Thus, it's high time to properly supervise pet cats, including through licensing. This would not only be in the interest of public health but also to overcome the habitual mess, nuisance and damage cats inflict on their owners' neighbours.

By the way, all bite cases, whether from humans, dogs, cats, primates (monkeys and baboons) and other animals, must be promptly reported for follow-up disease investigation and appropriate medical attention.

And I strongly recommend vaccinating pet dogs and cats against rabies even though it is not mandatory to do so in many states.

Let's work together to prevent the outbreak of rabies and other zoonotic diseases in our neighbourhood.

HOE CHEE SIANG
Bukit Mertajam